

19 MAY 2001

Mahathir-MIC (Bergambar)

KETEGASAN SAMY VELLU DAPAT PUJIAN DR MAHATHIR

JOHOR BAHRU, 19 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memuji ketegasan Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu dalam memperkukuhkan parti itu yang menurutnya masih popular dan mendapat sokongan majoriti rakyat berketurunan India.

"MIC masih lagi merupakan payung besar yang melindungi hak dan kepentingan mereka (masyarakat India) di negara kita," kata Perdana Menteri ketika merasmikan Perhimpunan Agung MIC ke-55 di sini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional, berkata MIC di bawah kepimpinan tegas Samy Vellu, didapati terus kukuh dan berkembang selari dengan kemajuan rakyat dan negara ini.

Walaupun MIC bukannya satu sahaja parti yang dianggotai rakyat Malaysia berketurunan India, namun ia dapat membela nasib seluruh masyarakat India di negara ini tanpa mengira kedudukan atau kepentingan politik mereka.

"Saya mengucapkan syabas kepada MIC kerana sentiasa gigih, tekun dan bertungkus-lumus dalam usaha dan perjuangannya untuk memperbaiki keadaan hidup sosio-ekonomi masyarakat India Malaysia yang masih belum mencapai tahap kemajuan yang memuaskan," katanya.

Dr Mahathir berkata seperti kaum lain, masih terdapat di kalangan masyarakat India, kelompok-kelompok mereka yang masih ketinggalan atau terpinggir, dari arus pembangunan negara.

Kelompok ini bukan sahaja terdapat di ladang-ladang, di desa-desa malah di pusat-pusat bandar terutama di kawasan setinggan, kata Perdana Menteri.

Beliau berkata dengan pendapatan yang rendah dan tidak tetap, kehidupan sebilangan kelompok mereka ini masih tidak sempurna dan ini menjadi sebahagian punca timbulnya pelbagai masalah sosial dalam masyarakat di negara ini.

"Namun begitu, nasib mereka tidaklah dibiarkan tanpa pembelaan. MIC sering meninjau keadaan kehidupan mereka dan memberi bantuan bagi memperbaiki kedudukan mereka," katanya.

Pelbagai bantuan termasuk kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, jalan raya, sekolah, pusat perubatan dan kesihatan disediakan untuk kelompok terpinggir ini oleh kerajaan melalui MIC, kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata walaupun MIC berperanan aktif dalam usahanya meningkatkan kedudukan masyarakat India, kerajaan tidak lepas tangan dalam tanggungjawabnya untuk membantu memperbaiki nasib kaum mereka seperti ia membantu kaum-kaum lain yang juga merupakan rakyat Malaysia.

-- BERNAMA

ES ES RON MAI